# Proton e.MAS Memperluaskan Cawangan Pengedar di Sabah & Sarawak dengan Pembukaan 4 Bilik Pameran Baharu

- Pembukaan 4 Bilik Pameran Membawakan Kenderaan Elektrik Proton e.MAS 7 ke Kota Kinabalu Sabah dan Kuching Sarawak

**Kota Kinabalu, 10 Februari 2025 -** Anak syarikat kenderaan tenaga baharu PROTON, PRO-NET, mencatatkan pencapaian penting dalam usaha mengembangkan rangkaian pengedarnya dengan pelancaran rasmi bilik pameran Proton e.MAS di Sabah dan Sarawak, membawakan penyelesaian mobiliti elektrik yang canggih kepada para pelanggan.

Di Kota Kinabalu, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah, YB Datuk Phoong Jin Tze, telah merasmikan pembukaan bilik pameran Proton e.MAS milik Harapan Maju Sabah Sdn. Bhd. pada 8 Februari. Sementara itu, di Sarawak, Datuk Bandar Kuching, Dato Wee Hong Seng, melancarkan bilik pameran e.MAS oleh Melinau EV Sdn. Bhd. pada 11 Februari. Perluasan rangakaian pengedar ini diteruskan dengan pembukaan bilik pameran Ghee Hua Co. Sdn. Bhd. di Sarawak pada 13 Februari, diikuti oleh Fook Loi Eurocar Sdn. Bhd. di Sabah pada 28 Februari 2025.

“Kami amat teruja untuk memulakan babak baru bagi Proton e.MAS dengan pengembangan pusat pengedar ke Sabah & Sarawak,” kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET. “Pembukaan rangkaian pengedar pertama proton e.MAS di Sabah dan Sarawak mencerminkan komitmen kami untuk menjadikan mobiliti elektrik lebih mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia. Dengan sokongan rakan kongsi yang kukuh, kami yakin pencapaian ini akan mempercepatkan revolusi EV di rantau ini, membawakan inovasi, kelestarian, dan pengalaman pemilikan EV yang luar biasa kepada para pelanggan kami.”

**Komitmen terhadap Pertumbuhan Automotif Kenderaan Elektrik ke Sabah & Sarawak**
Pembukaan rangkaian pengedar baharu ini menegaskan komitmen berterusan PRO-NET dalam memperluaskan ekosistem EV di Malaysia. Peluasan ke Sabah dan Sarawak bukan sekadar membawa teknologi automotif yang lestari dan inovatif, tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi rantau ini melalui penciptaan peluang pekerjaan serta pengenalan teknologi canggih.

Bilik pameran moden ini direka bukan sahaja untuk mempamerkan teknologi kenderaan elektrik terkini dari PROTON, tetapi juga berfungsi sebagai pusat utama bagi pendidikan dan interaksi kepada pelanggan. Rangkaian pengedar Proton e.MAS bertujuan untuk memberikan pengalaman yang lebih lancar kepada pelanggan dengan mengintegrasikan perkhidmatan jualan dan selepas jualan, memastikan sokongan jangka panjang kepada pemilik kenderaan EV ini.

Dengan 37 pengedar Proton e.MAS di seluruh negara, PRO-NET terus berkembang pesat. Seiring dengan pertumbuhan jenama ini, ia membuka ruang untuk lebih banyak inovasi dan pengalaman berorientasikan pelanggan.

Ikuti laman web rasmi Proton e.MAS serta akaun media sosial rasmi di bawah nama pengguna **"Proton e.MAS Cars"** di Facebook dan Xiaohongshu, serta **"@protonemasofficial"** di TikTok dan Instagram untuk mendapatkan maklumat terkini.

## Maklumat Pengedar Proton e.MAS

**<u>Sabah</u>**

**Harapan Maju Sdn Bhd**
Harapan Maju Sdn Bhd, yang ditubuhkan pada tahun 2019, merupakan salah satu kumpulan pengedar PROTON yang berprestasi tinggi, meraih pelbagai anugerah termasuk Platinum Dealer dan Highest Sales Volume Awards pada tahun 2024. Dengan pertumbuhan jualan yang konsisten dari 302 unit pada 2019 kepada 2,252 unit pada 2024, kecemerlangan mereka berpandukan kepercayaan, komitmen terhadap pelanggan, dan semangat

terhadap jenama. Kini, melalui Harapan Maju Sabah Sdn Bhd, mereka melangkah ke masa depan mobiliti dengan membawa Proton e.MAS ke Kota Kinabalu, Sabah.

Alamat: *Imago KK Times Square, Phase 2, Off Coastal Highway, 88100, Kota Kinabalu, Sabah.*

**Fook Loi Eurocar Sdn Bhd**
Fook Loi Eurocar sebuah pengedar PROTON terkemuka di Sabah, dengan pusat 4S utama di Kota Kinabalu. Dikenali dengan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang, pengedar ini telah bekerjasama dengan smart Malaysia untuk membuka pusat pameran smart pertama di Sabah. Dengan kehadiran Proton e.MAS, Fook Loi Eurocar terus mengembangkan rangkaian produknya untuk menawarkan penyelesaian mobiliti yang inovatif dan lestari di rantau ini.

Alamat: *Lot 3, Jln Limau Manis, Inanam, 88450, Kota Kinabalu, Sabah.*

**Sarawak**

**Melinau EV Sdn Bhd**
Melinau Auto Sdn Bhd ialah pengedar PROTON di Kuching, Sarawak, yang menawarkan pelbagai model PROTON serta perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh, termasuk penyelenggaraan, pembaikan, dan pembaharuan insurans. Melinau Auto juga bakal membuka pusat pameran Proton e.MAS di Kuching, sekali gus mengukuhkan lagi komitmennya terhadap penyelesaian mobiliti inovatif.

Alamat: *Lot G-070s, G-071As, G-071Bs & G-072As, Ground Floor, VivaCity Megamall, Jalan Wan Alwi, 93350 Kuching, Sarawak.*

**Ghee Hua Co. Sdn Bhd**
Ghee Hua Co. Sdn Bhd ialah pengedar baharu Proton e.MAS di Kuching, Sarawak. Dikenali dengan reputasi yang cemerlang dalam kualiti dan perkhidmatan pelanggan, Ghee Hua kini mengembangkan portfolionya dengan menyertakan kenderaan elektrik PROTON, sekali gus menunjukkan dedikasinya dalam menyediakan penyelesaian mobiliti inovatif di rantau ini.

Alamat: *Lot 131, Jalan Abell, 93100, Kuching, Sarawak.*

-Tamat-

**About Proton e.MAS**
Proton e.MAS is Malaysia's pioneering national electric vehicle and new energy brand, a sub-brand of PROTON and distributed by PRO-NET. Playing a pivotal role in EV adoption and building the brand's ecosystem, Proton e.MAS is dedicated to leading the charge towards sustainable transportation with an unwavering commitment to innovation and excellence. Our expanding network of dealerships, comprehensive aftersales services, and ecosystem ensures that every customer enjoys a seamless and gratifying experience. Our mission, aligned with our parent company PROTON is to INSPIRE CONNECTIONS by consistently delivering Innovative Technology, Reliability, and International standards. Proton e.MAS was unveiled on 12 June 2024.

**Proton e.MAS**
Facebook: https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/
Instagram: https://www.instagram.com/protonemasofficial/
TikTok: https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/

**Issued by:**
**PRO-NET**
Salawati Mohd Yusoff
Chief Branding Officer
Telephone: +6012-2194581
Email: salawati@proton.com

Faisal Shah Mohamed Shah
Senior Manager, Group Communication
Telephone: +6019 321 8897
Email: faisalshah@proton.com

Agus Mohamad Nawiah
Senior Executive, Public Relations
Telephone: +6017 232 6225
Email: agusmn@proton.com

**For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:**

Nicholas Nathaniel Raj
H/Advisors Klareco
Telephone: +6017 610 3249
Email: nicholas.raj@h-advisors.global

Joshua Fredrick
H/Advisors Klareco
M: +6012 392 8943
Email: joshua.fredrick@h-advisors.global